



***EON Inspirasi***

*Mohammad Nasrul*

***Breast Cancer***

*Are Men at Risk?*

***Men vs Women***

*A Genetic Perspective*

***Outdoor***

***Recreation***

*Trends among Youth*

***From Jogging***

*to Ka-Ching!*



ISSN 2773-5869



9 772773 586005



# Perspektif

## 'Awan Karpet' di Bukit Senaling

Oleh  
NUR JANNAH AZMAN

Jabatan Fizik dan Sains Bahan,  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan,  
Kampus Kuala Pilah, Pekan Parit Tinggi,  
72000 Kuala Pilah,  
Negeri Sembilan

[nurjannah@uitm.edu.my](mailto:nurjannah@uitm.edu.my)

EDITOR: DR. NURHAMIMAH ZAINAL ABIDIN



*"Bukit Senaling yang terletak di daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan yang berketinggian lebih kurang 394m merupakan lokasi unik untuk para pendaki beriadah secara santai." - Penulis*

Walaupun Bukit Senaling kurang dikenali berbanding Gunung Datuk dan Gunung Angsi, kedudukannya yang tidak berapa jauh dari pekan Kuala Pilah serta jauh dari kesibukan kota menjadikan Bukit Senaling lokasi yang amat sesuai bagi pengunjung yang gemarkan kawasan kampung dan hutan. Pemandangannya yang cantik dengan litupan awan karpet, laluan dakian yang mudah dan pendek juga menjadikan Bukit Senaling lokasi penggemar anak muda mengambil gambar sambil beriadah. Kedudukan Bukit Senaling yang tidak berapa jauh dari UiTM Cawangan Negeri Sembilan membuatkan penulis berminat untuk meluangkan sedikit masa pada hujung minggu untuk berkunjung ke sini.

### Kuala Pilah yang

terletak di tengah-tengah Negeri Sembilan merupakan daerah ketiga terbesar di Negeri Sembilan selepas Jempol dan Jelebu. Ia boleh dihubungi dari Seremban melalui Jalan Seremban-Kuala Pilah, dari Tampin melalui Jalan Air Mawang, Johol, dari Segamat melalui Bahau dan dari Simpang Pertang melalui Batu Kikir terus ke Pahang. Memandangkan banjaran Titiwangsa merentasi daerah Kuala Pilah, keadaan bentuk muka bumi di daerah ini keseluruhannya adalah kawasan tanah tinggi. 50 peratus kawasan tanah tinggi ini masih lagi diliputi oleh hutan. Kawasan-kawasan tanah tinggi terletak di sebelah utara, selatan dan barat daerah Kuala Pilah.



Gambar 1. Awan karpet di Bukit Senaling

Pendakian secara santai mengambil masa lebih kurang sejam suku sahaja. Bukan kerana mengejar masa tetapi oleh kerana laluan yang mudah dan kebanyakannya mendatar sahaja menjadikan ia lokasi sesuai untuk golongan yang baru berjinak-jinak dengan aktiviti mendaki, anak kecil atau golongan veteran yang gemar aktiviti lasak.

Permit untuk seorang pendaki bersama 'guider' berharga RM15.00. Walaupun harga dikenakan agak mahal jika dibandingkan dengan tempat lain, namun penulis tidak berkira mengenai ini dan mungkin ada sebab tersendiri harga tersebut dikenakan. Tempat letak kenderaan juga disediakan berhampiran dengan tempat permulaan mendaki. Tiada sebarang bayaran juga yang dikenakan untuk parkir. Bagi mereka yang ingin menunaikan solat, terdapat surau di dalam kawasan kampung tersebut yang berhampiran dengan kawasan parkir.

Pendakian bermula dengan laluan di kawasan ladang pokok getah dan diikuti dengan ladang kelapa sawit milik orang kampung yang mengambil masa lebih kurang 10 minit bergantung kepada keadaan jalan. Memandangkan penulis mendaki awal pagi dan hujan lebat pada malam sebelumnya menjadikan tanah merah di denai lembik dan kawasan ladang licin, maka perjalanan pada mulanya mengambil masa sedikit. Tahap kesukaran mendaki bukit ini boleh dikatakan agak mudah. Laluan juga terbuka dan kurang kawasan berbahaya. Terdapat banyak persimpangan di laluan, namun para pendaki tanpa 'guider' berpengalaman juga tidak perlu khuatir kerana penanda jalan sudah diletakkan menuju sehingga ke puncak di setiap persimpangan. Terdapat anak sungai kecil yang merintang jalan dan airnya boleh dikatakan agak bersih dan jernih.

*"Bagi ibu bapa yang membawa anak bersama, tidak perlu risau kerana laluan yang agak terang, kurang semak samun dan terdapat tali disediakan untuk berpaut jika terdapat cerun kecil." - Penulis*



**Gambar 2. Penulis menikmati pemandangan yang amat indah, sukar diungkap dalam bait patah perkataan**

Perjalanan mendaki tidak membosankan kerana terdapat banyak lokasi mendatar yang terbuka dan sesuai untuk berehat sambil menikmati pemandangan indah. Tidak banyak pokok-pokok besar yang melindungi pemandangan tersebut. Bagi pendaki yang bermula awal pagi, pastinya tidak akan terlepas satu lokasi yang menjadi tumpuan anak muda untuk berswafoto kerana pemandangan indah awan karpet yang seluas mata memandang. Pastinya segala penat lelah akan hilang tatkala anda sampai ke lokasi ini dan sukar untuk berganjak kerana leka melihatnya. Kawasan dataran yang agak luas menjadikan ia lokasi untuk melepak. Tidak hairan sekiranya ada yang mampu menghabiskan masa berjam-jam hanya di lokasi ini.



**Gambar 3. Penulis merakamkan kenangan di puncak Bukit Senaling**

Kawasan puncak juga agak luas bagi pendaki untuk berkumpul bersama melepaskan lelah sambil berswafoto, minum atau makan, serta bersembang. Pemandangan dari atas puncak juga sangat cantik dan tidak menghampakan. Pasti pemandangan sebegini akan menggigit memori dan tidak mudah untuk dilupakan. Secara jujur, penulis merasakan Bukit Senaling adalah lokasi yang sesuai untuk beriadah santai bersama teman sekolah, sanak saudara atau teman sepejabat. Walau bagaimanapun aktiviti berkhemah adalah tidak digalakkan kerana tiada penempatan yang sesuai dari segi geografi dan jauh dari sumber air.

Bagi pendaki baru, bawa bekalan secukupnya seperti minuman, makanan serta peralatan mendaki. Pastikan pakaian, kasut serta beg yang digunakan juga bersesuaian. Digalakkan untuk bergerak secara berkumpulan dan mengikut 'guider' agar keselamatan terjamin dan tidak sesat. Harus diingat juga agar menjaga tutur kata, hormati orang sekitar serta menjaga kebersihan dengan mengumpul serta membawa sampah pulang agar kawasan hutan ini sentiasa dalam keadaan bersih dan aman. Bagi penulis, aktiviti rekreasi begini sangat bermakna kerana ianya bukan sahaja mengisi masa lapang dengan aktiviti berfaedah, malah ia dapat menenangkan jiwa dan menghilangkan tekanan setelah penat bekerja.

Di samping dapat menjaga kesihatan dan indeks jisim tubuh, ia terbukti dapat membantu mengekalkan stamina, mengelakkan penyakit kardiovaskular serta masalah kesihatan yang lain. Pasti pengalaman seperti ini tiada galang gantinya kerana penulis merasakan hobi berekreasi seperti ini tidak akan dapat dinikmati sekiranya tidak dianugerahkan kesihatan dan masa oleh Maha Pencipta.



**Gambar 4. Penulis merasakan yang rekreasi semestinya memberi inspirasi**